

05 MAR 2000

Samy-MAPA

KEPUTUSAN MAPA TEPAT PADA MASANYA, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini menyifatkan keputusan Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) pada dasarnya bersetuju dengan gaji bulanan untuk pekerja estet, sebagai "tepat pada masanya."

"Keputusan MAPA itu akan memberi satu kehidupan baru kepada kira-kira 300,000 pekerja estet di negara ini," katanya semasa mengulas keputusan MAPA itu, yang diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, semalam.

Dr Fong dipetik sebagai berkata bahawa apa yang diperlukan sekarang ialah mencari formula yang akan memanfaatkan pekerja dan majikan.

Dr Fong berkata beliau akan mengemukakan laporan awal mengenai perkara itu kepada Kabinet pada Rabu.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata berikutan keputusan MAPA itu, para pekerja estet dapat menikmati gaji yang lebih baik dan infrastruktur

"MIC menghargai persetujuan itu dan pemahaman MAPA untuk menimbang gaji bulanan bagi pekerja estet," katanya.

Samy Vellu berkata jika tanpa campur tangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isu itu tidak dapat diselesaikan secepat mungkin.

Menurutnya beliau telah membangkitkan isu itu beberapa kali pada mesyuarat Kabinet dan berasa gembira kerana "akhirnya satu keputusan mengenainya telah dapat dicapai."

Pada mesyuarat Kabinet lepas, Dr Mahathir mengarahkan Kementerian Sumber Manusia mencari penyelesaian terhadap isu gaji bulanan dan perumahan lebih baik untuk pekerja estet dalam masa seminggu.

Samy Vellu berkata beliau yakin pekerja estet "berterima kasih kepada Dr Mahathir."

--BERNAMA

ES NAK